



SELAMAT DATANG

KANUN KESEKSAAN

OLEH :-
NICOLA JAYNE YASAMBUN

27 OGOS 2019

PROFIL PENCERAMAH

PENDIDIKAN

- ❖ Bachelor of Laws

*University of the West of England, Bristol,
United Kingdom*

- ❖ Postgraduate Diploma Bar Professional Training

*Northumbria University, Newcastle,
United Kingdom*

- Akta ini dinamakan sebagai kanun keseksaan
- Akta ini dikuatkuasakan di seluruh Malaysia dan Kanun (Code) ini telah dinamakan semula sebagai Akta kanun keseksaan 1997 (Akta 574)
- Kanun keseksaan ini merupakan undang2 substantif dalam kesalahan2 jenayah.
- Tidak ada hadmasa bagi pendakwaan utk tuduhan2 Jenayah dibawah kanun keseksaan.



SEKSYEN 193

Memberi atau membuat keterangan palsu didalam sesuatu perbicaraan. (kadangkala di panggil sebagai Sumpah Bohong - Perjury).

Hukum: Penjara 7 tahun dan denda.

Kes : DP Vijandran V PP (1999) 1 MLJ 385
(Membuat Afidavit yang palsu).



SEKSYEN 202

Orang yang diwajibkan memberi maklumat mengenai sesuatu kesalahan dengan sengaja tidak memberi maklumat tersebut. (Sila buat rujukan pada S 13 KAJ - perkara-perkara yang wajib diberi oleh orang awam kepada pihak berkuasa).

HUKUMAN: Penjara 6 bulan atau denda atau kedua-duanya.



SEKSYEN 279

Memandu atau menunggang dengan kelalaian di jalan awam.

Hukuman: Penjara 6 bulan atau denda RM 2,000 / = atau kedua-dua sekali.

Kes: Goh Kheng Seong V PP (1993) 1 MLJ 103

Memandu dengan kelalaian dan 2 kategori:

1. Kemalangan yang timbul dari ketidak kesedaran sementara atau salah pertimbangan.
2. Memandu secara mementingkan diri serta tidak mempertimbangkan keselamatan pengguna jalanraya yang lain.



SEKSYEN 285

Berkelakuan lalai berkenaan dengan sebarang api atau benda yang mudah terbakar.

Hukuman: Penjara 6 bulan atau denda RM 2,000 atau kedua-dua.

Kes: Mohamed Yusof V PP (1962) MLJ 311 kebakaran Api lalang di tanah OKT mengakibatkan rumah jiran terbakar.



SEKSYEN 289

Lalai berkenaan dengan sebarang Binatang.

Hukuman : 6 bulan atau denda RM 2,000 atau kedu-duanya.

Elemen Jenayah :

1. Bahawa binatang itu kepunyaan OKT
2. OKT tidak mengambil langkah mengawal binatang dan telah mengakibatkan kemerbahayaan kepada orang lain.
3. OKT cuai dan mengetahui tentang bahayanya.



SEKSYEN 296

Menganggu perhimpunan orang yang menjalankan sembahyang ataupun kewajipan Agama.

Hukuman : Penjara satu tahun atau denda atau kedua-daunya.



SEKSYEN 298A

Menyebabkan, dsd., diatas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dsd., pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan (Lisan atau Tulis)

Hukuman : Hukuman Penjara 5 tahun.

Kes : PP V Mohamed Nor & ors (1985) 2 MLJ 200-
(Perselisihan faham antara Imam dan khatib).



SEKSYEN 302

Keseksaan bagi kesalahan membunuh Orang.
Hukuman : Hukuman gantung sampai mati

Apakah elemen yang perlu dibuktikan oleh Pendakwaraya?

1. Ada kematian
2. Bahawa OKT melakukan pembunuhan dengan niat
3. Dengan niat mencederakan badan dan OKT mengetahui bahawa ia akan membawa kematian.
4. Kecederaan badan oleh OKT dan dengan jalan perbuatannya akan membawa kematian.



SILA BINCANG SAMADA ORANG TERTUDUH DIBAWAHINI DISABITKAN DENGAN KESALAHAN MEMBUNUH?

Kes : Ali Bin Hj Abdullah V PP (1948) MLJ 46

Fakta Kes

Seorang kanak-kanak berumur 10 tahun telah mati semasa kanak-kanak tersebut dirogol oleh OKT dalam kes diatas.

APAKAH JAWAPAN ANDA ?



SEKSYEN 304

Seksaan bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang (2 limb)

(Provokasi, Mempertahankan diri berlebihan, Bergaduh tiba-tiba dsb).

Hukuman: 1st limb Penjara 20 tahun dan boleh didenda (Niat)

2nd limb Penjara 10 tahun atau denda atau kedua-duanya (Tanpa Niat)



Kes : Mat Sawi Bin Bahodin V PP (1958) 24 MLJ 189

Fakta kes

OKT telah lama menghadapi masalah rumah tangga yang disebabkan oleh Ibu Mertuanya. Pada hari pembunuhan tersebut ibu mertuanya telah memanggilnya dengan perkataan ‘Babi’ dan menyerang ibu mertuanya kerana provokasi dari mertua.

OKT yang dituduh dibawah S 302 kk telah Diturunkan kepada S 304 KK.



SEKSYEN 304A

Menyebabkan kematian kerana cuai (OKT tidak ada niat atau pengetahuan).

Hukuman : Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya.

Bagaimana sekirannya anda cuai memandu kereta dan telah mengakibatkan kematian seseorang?

Sila rujuk S 41 Akta Pengangkutan Jalanraya 1987 (Tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan denda tidak kurang RM 5,000/ atau tidak lebih RM 20,000/).



SEKSYEN 312 & 313

Menyebabkan keguguran dengan kerelaan Ibu

Menyebabkan keguguran tanpa kerelaan Ibu.

Hukuman : Penjara 3 tahun atau denda atau kedua-duanya. Kalau sarat kandungannya 7 tahun penjara dan denda (keguguran dengan rela)

Hukuman : Penjara sehingga 20 tahun dan denda.

Kes : PP V Dr Nadason Kanagalingam (1985) 2 MLJ 122.



SEKSYEN 317

Mendedahkan dan membuang kanak-kanak yang berumurnya kurang daripada 12 tahun oleh ibubapa atau penjaga.

Hukuman : Penjara 7 tahun atau denda atau kedua-duanya.




SEKSYEN 318

Menyembunyikan kelahiran dengan jalan membuang mayat dengan sulit. (Samada bayi itu mati sebelum atau selepas kelahiran).

Hukuman : Penjara 12 tahun atau kedua-dua sekali.

Newborn baby found with note in front of Kg Pompod home



r.ads.pubmatic.com...

NEW
STRAITS TIMES



SEKSYEN 323

Menyebabkan kecederaan dengan Sengaja.
Hukuman : Penjara 1 tahun atau denda RM 2,000/
atau kedua-duanya.

Mum jailed six months for slapping son's teacher

NATION

Thursday, 09 Mar 2017
12:00 AM MYT



NIBONG TEBAL: For slapping a teacher two years ago, a mother of three has been jailed six months and fined RM2,000 by the Jawi magistrate's court here.

Housewife Tan Seow Yen, 36, was ordered by magistrate Shamshol Azwa Martadza to serve the jail sentence from yesterday. She paid the fine.

Shamshol Azwa held that the defence had failed to cast reasonable doubt in the prosecution's case.

Tan was found guilty under Section 323 of the Penal Code of voluntarily causing hurt by slapping teacher L. Vanitha, 38, at SJK (C) Chong Kuang in Sungai Bakap at about 5.15pm on Feb 2, 2015.

The offence carries a maximum one-year jail term or a RM2,000 fine, or both if convicted.



SEKSYEN 324

Dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya.

(Seksyen ini boleh digunakan untuk ‘road bully’ yang menggunakan senjata untuk mencederakan mangsa).

Hukuman : Penjara 3 tahun atau denda atau mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu.



Kes : PP V Mustapha bin Abdullah (1997) 2 MLJ 424

Fakta kes

OKT telah mencederakan seorang wanita dengan menggunakan rantai besi setelah satu pertengkaran berlaku diantara wanita dan OKT kerana perlanggaran kereta dijalanraya. Wanita itu pada masa itu hamil 2 bulan dan menerima beberapa luka yang parah akibat pukulan dari rantai besi. OKT dipenjara 2 tahun dan didenda RM 1,000/



SEKSYEN 325

Dengan sengaja menyebabkan cedera Parah
Hukuman : Penjara 7 tahun dan denda

'Datuk Seri' charged with causing grievous hurt, using criminal force to deter Rela men from discharging duties





SEKSYEN 326

Dengan sengaja menyebabkan cedera Parah dengan senjata atau cara-cara yang merbahaya. (Senjata yang digunakan seperti senapang, pisau, alat-alat pemotong, tuang asid dll)

Hukuman : Penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan.



Kes : PP V Lee Hor Sai (1969) 1 MLJ 257

Fakta kes

OKT mencederakan seorang wanita dengan mengelar muka dengan menggunakan pisau sebanyak 4 kali di pipi kanan dan kiri. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa kecederaan yang kekal maka hukuman itu harus dijatuhkan di bawah S326 kk dan bukan dibawah S 323 kk.

(Dalam kes ini Mahkamah Majistret hanya jatuh hukuman denda sebanyak RM 250.00).



SEKSYEN 354

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan (Wanita atau Lelaki).

Hukuman : Penjara 10 tahun atau denda sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu.



Kes : PP V Yahaya bin Selaman (2006) 2 MLJ 475

Fakta kes

OKT dituduh dibawah S 354 KK kerana menggunakan kekerasan jenayah serta penganiayaan keatas kanak-kanak 3 tahun dengan niat atau tujuan mencabul kehormatan kanak-kanak tersebut. Mahkamah Tinggi telah menolak keputusan Mahkamah Majistret yang hanya mengenakan penjara 1 hari dan denda RM 4,000/- dan seterusnya menjatuhkan hukuman 6 tahun penjara.



SEKSYEN 356

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah semasa cuba mencuri harta yang dibawa oleh seseorang. (Penyeluk saku dan Peragut)

Hukuman : Penjara 2 tahun atau denda atau sebat atau dengan mana-mana dua hukuman itu.



SEKSYEN 361

Menculik dari penjagaan yang sah disisi undang-undang (Budak lelaki < 14 tahun dan bagi budak perempuan < dari 16 tahun).

Hukuman Dibawah S 363: Penjara 7 tahun dan denda.



Kes: Neelankandan V PP (1956) MLJ 208.

Fakta kes

OKT telah membawa anak gadis berumur 15 tahun yang masih menuntut di sek Convent KL. Anak gadis ini masih tinggal bersama-sama dengan ibu-bapanya. Anak gadis ini telah membohongi ibubapanya dan mengatakan hendak pergi ke Konsert tetapi sebaliknya telah mengikut OKT di rumah makciknya dan seterusnya mengadakan perhubungan intim. Malangnya pada hari itu polis telah membuat serbuan pada rumah tersebut dan membawa 2 orang dirumah ibu bapanya. Kedua-dua ibubapa tidak memberi izin anaknya dibawa oleh OKT.

Mahkamah memutuskan bahawa berlaku satu penculikan kerana dengan pujuk rayuan OKT maka anak gadis itu telah dibawah oleh OKT ke rumah makcik.

Dalam kes ini Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman 4 bulan penjara.



SEKSYEN 366

Menculik atau melarikan perempuan bagi memaksa ia berkahwin, dipujuk melakukan persetubuhan atau dipaksa menjadi seorang Sundal.

Hukuman : Penjara 10 tahun dan denda.



SEKSYEN 372

Menjual, menyewa atau menyerahkan mana-mana orang bagi tujuan persundalan.

Hukuman : Penjara 15 tahun dan sebatan dan denda.



SEKSYEN 372A

Seseorang yang hidup hasil daripada atau perdagangan persundalan.

Hukuman : Penjara selama 15 tahun dan sebatan rotan dan denda.



SEKSYEN 372B

Mencari langganan atau mendesak bagi tujuan persundalan.

Hukuman : Penjara selama 1 tahun atau denda atau keduanya.



SEKSYEN 373

Sesiapa yang mengawal, menyimpan, menguruskan ataupun menolong menguruskan rumah persundalan.

Hukuman : Penjara selama 15 tahun dan denda.



SEKSYEN 376

Merogol

Hukuman : Penjara tidak kurang dari 5 tahun dan tidak lebih dari 20 tahun dan sebatan.

Mengadakan hubungan seks pada perempuan dibawah umur 16 tahun sama ada dengan persetujuannya atau tidak adalah ‘rogol’.

Mengadakan hubungan seks dengan isteri yang sah bukanlah rogol kecuali



- Seseorang perempuan tinggal secara berasingan dari suami kerana dalam satu dekri nisi penceraian tidak boleh dikategorikan sebagai isteri.
- Sekira seorang perempuan telah memperolehi injunksi terhadap suami menegak daripada mengadakan perhubungan seks dengannya.
- Perempuan muslim yang tinggal berasingan dari suami semasa ‘iddah’ yang akan dikira dari Segi Hukum Syara.



SEKSYEN 377B

Melakukan Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii.

Hukuman : Penjara selama 20 tahun dan sebatan.
Sila baca kes : Anwar Ibrahim V PP (2004) 3 MLJ 405.



SEKSYEN 379

Mencuri

Dalam kesalahan diatas pihak Pendakwa Raya wajib membuktikan 2 elemen iaitu ketidakjujuran iaitu niat OKT untuk mengambil Harta alih dari pemilik yang sah serta perbuatan OKT mengambil harta tersebut.

Hukuman: Penjara 7 tahun atau denda atau kedua-duanya

Kesalahan kali kedua atau kemudian hukuman penjara dan denda atau Sebatan.

Seksyen ini juga dikenakan keatas peragut

Kes : PP V Alfred a/I Vincent (2004) 6 MLJ 105



SEKSYEN 379A

Kesalahan mencuri kenderaan motor

Hukuman : Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak lebih dari 7 tahun dan denda.

Bagaimana kalau seorang mencuri tayar kereta, radio cassette kereta dsb. Adakah ia akan dituduh di bawah seksyen ini?

Apakah jawapan anda?



SEKSYEN 380

Mencuri dalam rumah kediaman, bangunan, khemah atau kapal.

Hukuman : Penjara 10 tahun dan denda kali kedua hukuman penjara dan denda atau sebatan.



SEKSYEN 392

Merompak

Contohnya jika A berjumpa dengan B dijalanraya dan A menunjuk pistol lalu meminta dompet dari B dan B kemudian menyerahkan dompetnya kepada A kerana ketakutan ia akan dicederakan maka A telah melakukan kesalahan merompak.

Hukuman : Penjara 10 tahun dan denda.



SEKSYEN 394

Dengan sengaja menyebabkan cedera semasa melakukan rompakan.

Hukuman: Penjara boleh sampai 20 tahun dan denda atau sebat.

Woman tells harrowing tale of robbery by machete-wielding men

Predeep Nambiar - August 14, 2019 1:10 PM

1.3k
Shares



1k



75



174





SEKSYEN 397

Rompak dengan bersenjata atau rompak serta mencuba menyebabkan kematian atau cedera parah.

Hukuman: Hukuman penjara yang boleh sampai 20 tahun dan denda dan sebatan.



SEKSYEN 411

Menerima harta curi itu adalah kenderaan motor atau komponennya maka hukuman penjara adalah tidak kurang dari 6 bulan dan tidak lebih dari 5 tahun dan denda.



SEKSYEN 420

Menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan.

Hukuman : Penjara 10 tahun dan denda

Jailed and fined for tour package con

Published on: Thursday, June 13, 2019

By: Jo Ann Mool



KOTA KINABALU: A 42-year-old local was jailed four years and fined RM2,400 or one month's jail for cheating a woman over a Japan tour package.

Jikol Johnny was ordered by the Magistrate's Court to serve the sentence from Wednesday after he was found guilty of committing the offence on Jan 31, 2018.

Magistrate Afiq Agoes, in his ruling, held that the prosecution had successfully proven a case beyond reasonable doubt against Jikol.

Jikol was found guilty of cheating one Susan Balintok by making her to believe that he could get a tour package to Japan for six days and five nights for five people, causing Susan to transfer RM1,500 to his bank account on Jan 31, last year.

Earlier, counsel Watt Junius, representing Jikol, applied for a lenient sentence on the grounds that Jikol, who has three children, had shown remorse over his action and that he has no conviction record.

Inspector Lim Swee Beng, who prosecuted, applied for a deterrent sentence as Jikol's action had caused so much pain and stress to the victim.

Jikol had committed an offence under Section 420 of the Penal Code, which provides for a jail term of between one and 10 years, and whipping and fine, on conviction.

The prosecution had called four witnesses while the defence had called one witness in the trial.



SEKSYEN 454

Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah supaya dapat melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara.

Hukuman : Penjara 3 tahun dan denda.



SEKSYEN 494

Berkahwin kali kedua semasa hidup lagi sebagai suami isteri yang pertama (kesalahan ini juga dikenali sebagai Bigami).

Hukuman: Penjara 7 tahun dan denda.

Apakah kedudukan seseorang jika pasangannya memeluk agama Islam?

Sila rujuk S 51 Law reform (Marriage and Divorce) Act 1976

Sila baca kes: Eeswari Visuvalingam V Kerajaan Malaysia (1990) 1 MLJ 86
“dissolution of marriage”



SEKSYEN 509

Perkataan atau isyarat yang dimaksud mengaibkan kehormatan seseorang (Seksual Harrasment)

Hukuman : Penjara sehingga boleh sampai 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.

Seksyen 161 K K sehingga Seksyen 171
K K merupakan kesalahan2 yg dilakukan
oleh seseorang Penjawat awam.

1. Penjawat awam yg menerima suapan untuk kepentingan dirinya atau orang lain semasa menjalankan tugas rasmi adalah melakukan satu kesalahan dibawah **seksyen 161 KK** dan boleh diseksa dgn penjara selama tempoh 3 thn atau denda atau kedua-duanya.

Ramasamy seorang hakim mahkamah mendapatkan drp Encik Hamdan, seorang ketua Bank, suatu jawatan dlm bank Encik Hamdan, utk adik Encik Ramasamy, sebagai satu hadiah kepada Ramasamy bagi memutuskan suatu guaman memberi kemenangan kepada Hamdan, *Ramasamy* telah melakukan kesalahan dibawah takrifkan seksyen ini.

2. Seorang penjawat awam yang mengambil bahagian dlm perniagaan dengan menyalahi undang2 adalah melakukan satu kesalahan dibawah S 168 K K dan boleh diseksa dgn penjara selama tempoh 1 thn atau dgn denda atau kedua-duanya.

‘Tafsiran perniagaan’ bermaksud menjual atau membeli barang utk mendapat keuntungan- Ratanlal & Dhirajlal dlm buku Law of Crimes.

Dlm Kes Sagar Singh AIR 1918 Cal 150 memutuskan bhw seorang konstabel polis yg menjalankan perniagaan kedai runcit dimana terdapat peruntukan2 larangan di bawah S 10 Akta Polis 1967 adalah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 168 KK.

.3. Penjawat awam yg dilarang oleh undang2 supaya jangan membeli atau menawarkan utk membeli suatu harta lalu membeli harta tersebut bagi dirinya atau atas nama orang lain adalah dengan ini melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 169 KK dan boleh diseksa dgn penjara selama 2 thn atau denda atau kedua-duanya dan harta itu hendaklah dirampas darinya.

SEKIAN
TERIMA
KASIH

